

SEJARAH SEBAGAI PENGAJARAN MORAL
DALAM KONTEKS *HISTORIOSOFI* MELAYU: SATU INTERPRETASI TERHADAP
HIKAYAT RAJA PASAI DAN *SEJARAH MELAYU*

Oleh

MAZLINA BINTI HARUN

Tesis diserahkan untuk memenuhi
Sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera
(Mod-Campuran)

Mei 2001

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kajian ini dapat disiapkan seperti yang dirancangan.

Bagi menyiapkan kajian ini, penulis berasa amat terhutang budi dan berterima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Jelani Harun. Selaku seorang penyelia, beliau telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam menyempurnakan kajian ini. Tanpa bimbingan dan kerjasama beliau sudah pasti kajian ini tidak dapat disiapkan dengan sebaik mungkin. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM seperti Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh dan Prof. Madya Dr. Noriah Taslim di atas keikhlasan mereka membantu kerja-kerja penulisan.

Didedikasikan kajian ini teristimewa buat bonda Siti Aminah Binti Talib serta semua ahli keluarga yang berada di Perak. Turut juga didedikasikan buat saudara Aerdee Bin Ramli, Pn. Sakinah dan sahabat-sahabat penulis yang lain atas segala sokongan dan kata-kata perangsang yang dihulurkan. Tanpa semangat, doa dan sokongan daripada anda semua, sudah pasti penulis tidak mempunyai kekuatan dalam melaksanakan kajian ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih juga kepada kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM atas segala bantuan yang dihulurkan. Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan yang amat bermakna kepada dunia kesusasteraan tanah air.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii	
JADUAL KANDUNGAN	iii	
ABSTRAK	v	
ABSTRACT	vi	
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	PERNYATAAN MASALAH	1
1.2	OBJEKTIF KAJIAN	2
1.3	SKOP KAJIAN	3
1.4	KEPENTINGAN KAJIAN	4
1.5	TINJAUAN KAJIAN TERDAHULU	5
1.6	METODOLOGI KAJIAN	9
1.7	ORGANISASI TESIS	9
BAB 2	KONSEP <i>HISTORIOGRAFI</i> DAN <i>HISTORIOSOFI</i> MELAYU	
2.1	DISPLIN ILMU SEJARAH BARAT	11
2.2	KONSEP <i>HISTORIOGRAFI</i> MELAYU	
2.2.1	PANDANGAN ORIENTALIS BARAT	18

2.2.2	PANDANGAN PENGARANG MELAYU	24
2.3	KONSEP <i>HISTORIOSOFI</i> MELAYU	34
BAB 3	ANALISIS TEKS	
3.1	<i>HIKAYAT RAJA PASAI</i>	56
3.2	<i>SEJARAH MELAYU</i>	77
BAB 4	RUMUSAN	103
BIBLIOGRAFI		108
LAMPIRAN		112

ABSTRAK

Historiografi Melayu mempunyai nilai sejarah tersendiri yang jauh berbeza daripada konsep pensejarahan Barat. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penulis cuba membuktikan bahawa karya tersebut juga harus dianggap sebagai karya *historiosofi* Melayu, yakni karya tentang falsafah sejarah orang Melayu. Bagi pengarang Melayu, sejarah tidak hanya dilihat sebagai peristiwa masa lampau yang menampilkan fakta kebenaran, sebaliknya sejarah merupakan sesuatu yang boleh dijadikan bahan pengajaran atau pendidikan moral kepada manusia. Kelahiran karya sastera bercorak sejarah dianggap dapat memberi manfaat atau faedah kepada generasi terkemudian melalui falsafah moral yang diserapkan di sebalik peristiwa sejarah. Dalam kajian ini, penulis akan membuat interpretasi dengan mengaplikasikan teori 'sfera faedah' oleh Braginsky yang dapat memperjelaskan konsep *historiosofi* Melayu. Berteraskan konsep *historiosofi* Melayu, penulis menganalisis secara khusus dan mendalam ke atas teks *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*.

ABSTRACT

Malay *historiography* has its own unique history which is very different from Western *historiography* concept. Nevertheless, in this research, the writer tries to prove that the works of literature should also be considered as Malay *historiosophy*, that is works about philosophy of Malay history. For Malay authors, history is not only seen as a past event which provides true facts, but as something which can be used as instruction or as moral education. The writings of history-based literature is beneficial to the later generation through the moral philosophy presented in the writings. In this research, the writer will try to interpret the historical literature by applying the theory of “sfera faedah” by Braginsky which enables the explanation of the Malay *historiosophy*. Based on the Malay *historiosophy*, the writer analyses specifically and thoroughly the texts of *Hikayat Raja Pasai* and *Sejarah Melayu*.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pernyataan Masalah

Masyarakat Melayu mempunyai falsafah sejarah yang tersendiri. Salah satu sumber penting untuk memahami dasar falsafah sejarah orang Melayu dapat dikaji melalui karya-karya *historiografi* atau karya-karya sastera bercorak sejarah. Bagi pengarang Melayu, sejarah tidak sekadar dilihat sebagai suatu peristiwa masa lampau yang mempunyai kebenaran, pentarikan dan fakta-fakta yang dapat dibuktikan, sebaliknya sejarah merupakan sesuatu yang boleh dijadikan bahan pengajaran atau pendidikan moral kepada manusia. Dalam hal ini, falsafah sejarah pengarang Melayu perlu dilihat berdasarkan pemikiran masyarakat pada zaman silam yang jauh berbeza daripada pengertian sejarah moden pada masa kini. Kelahiran falsafah sejarah yang diperlihatkan oleh pengarang Melayu akan memunculkan konsep *historiosofi* Melayu.

Tujuan penulisan karya sastera bercorak sejarah bukan hanya merakamkan peristiwa sejarah yang berlaku tetapi lebih bermatlamat untuk mendapat manfaat pengajaran moral daripada peristiwa sejarah tersebut. Peristiwa sejarah menjadi bahan kepada pengarang untuk menyampaikan unsur pengajaran kepada pembaca. Justeru itu, dalam proses penulisannya pengarang tidak begitu memberi tumpuan kepada fakta sejarah, sebaliknya memaparkan peristiwa-peristiwa yang dianggap mempunyai nilai sejarah. Malah, peristiwa sejarah tersebut telah ditokok tambah oleh pengarang untuk disesuaikan dengan kepentingan dan matlamat moral karya tersebut.

Penelitian penulis mendapati konsep pengajaran moral yang terdapat di sebalik peristiwa-peristiwa sejarah di dalam karya-karya *historiografi* Melayu telah membentuk suatu dasar falsafah sejarah (*historiosofi*) yang tersendiri kepada pengarang Melayu. Walau bagaimanapun, falsafah sejarah yang terdapat di dalam teks Melayu perlu diberi interpretasi untuk mengetahui makna tersirat di sebalik peristiwa sejarah yang dipaparkan. Seharusnya pembaca tidak perlu memandang remeh motif yang cuba disampaikan oleh pengarang. Motif yang cuba ditonjolkan dalam karya berunsur sejarah mempunyai mesej didaktik yang amat berguna kepada khalayak pembacanya. Karya tersebut banyak memuatkan pengajaran moral untuk panduan, teladan dan iktibar kepada generasi akan datang.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membicarakan konsep *historiosofi* yang merupakan dasar falsafah sejarah orang Melayu. Konsep *historiosofi* tersebut akan dibicarakan melalui interpretasi penulis terhadap karya sastera bercorak sejarah Melayu. Penelitian ke atas karya sastera bercorak sejarah Melayu seharusnya berpaksikan kepada sudut pandangan masyarakat yang melahirkannya. Masyarakat Melayu yang kaya dengan adat kesopanan sangat mementingkan unsur pengajaran dalam setiap karya yang dilahirkan. Justeru itu, dalam karya sastera bercorak sejarah, unsur pengajaran dan pendidikan moral memainkan peranan yang sangat penting dan harus diberi perhatian serius. Penulis akan mengemukakan dapatan kajian bahawa unsur-unsur pengajaran moral tersebut membentuk dasar falsafah orang Melayu atau dikenali sebagai *historiosofi* Melayu.

1.3 Skop Kajian

Konsep *historiosofi* Melayu di dalam kajian ini mempunyai maksud khusus sebagai falsafah sejarah orang Melayu. Pembincangan akan berpusat kepada sumber daripada genre sastera bercorak sejarah atau karya *historiografi* Melayu. Penelitian ke atas genre sastera bercorak sejarah ini akan ditumpukan kepada unsur pengajaran moral yang diperolehi melalui peristiwa sejarah yang dipaparkan. Keadaan ini akan membuktikan bahawa karya sastera bercorak sejarah membawa bersama-samanya unsur manfaat atau faedah moral kepada pembaca.

Kajian penulis akan bertumpu kepada dua buah teks *historiografi* Melayu pilihan iaitu *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Pemilihan kedua-dua buah teks tersebut dirasakan bersesuaian serta dapat menjadi contoh karya *historiosofi* Melayu. Kedua-dua teks berkenaan sarat dengan unsur moral di sebalik peristiwa sejarah yang ditonjolkan. *Hikayat Raja Pasai* merupakan antara karya *historiografi* Melayu tradisional yang tertua di alam Melayu. Episod yang terpapar dalam teks tersebut penuh dengan falsafah sejarah yang menekankan aspek moral di sebalik peristiwa sejarah. Intipati moral di dalam teks berkenaan memperlihatkan kerendahan akhlak Sultan Ahmad yang tidak mematuhi wasiat sebagai pencetus kepada kejatuhan negeri Pasai ke tangan Majapahit.

Sejarah Melayu juga tidak kurang pentingnya berbanding dengan *Hikayat Raja Pasai*. Seperti yang diketahui umum, teks *Sejarah Melayu* merupakan teks sastera bercorak sejarah yang terpenting di alam Melayu. *Sejarah Melayu* penuh dengan pelbagai keistimewaan yang dapat menyingkap corak kehidupan masyarakat Melayu khasnya berkaitan dengan sejarah, adat kepercayaan, budaya dan sebagainya. Dalam kajian ini,

penulis akan meneliti falsafah sejarah orang Melayu melalui peristiwa pelanggaran waadat oleh kedua-dua belah pihak iaitu raja dan rakyat. Namun begitu, tumpuan khusus adalah kepada golongan raja yang terlebih dahulu mencemari perjanjian tersebut, malah turut memungkir wasiat yang diamanahkan. Pelanggaran waadat dan wasiat akan mengundang bencana kepada diri, masyarakat dan seterusnya membawa kemusnahan dan kejatuhan sesebuah kerajaan atau negeri.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan memandangkan sehingga kini masih belum terdapat kajian yang khusus dibuat ke atas konsep *historiosofi* Melayu. Sebelum ini, karya sastera bercorak sejarah hanya dilihat sebagai karya *historiografi* Melayu sahaja. Dalam kajian ini, penulis cuba membuktikan bahawa karya tersebut juga harus dianggap sebagai karya *historiosofi* Melayu. Matlamat karangan *historiosofi* jauh lebih mendalam berbanding fungsi *historiografi* kerana melibatkan tafsiran makna sejarah yang tersirat di sebalik cerita-cerita yang dipaparkan. *Historiosofi* merupakan karangan sastera bercorak sejarah bagi panduan dan pegangan kepada raja-raja yang memerintah. Keadaan ini akan memperluaskan lagi skop pengkajian ke atas karya sastera Melayu tradisional.

Dalam kajian ini, penulis akan melihat kepentingan falsafah sejarah menurut perspektif pengarang Melayu. Konsep sejarah dari perspektif Barat adalah suatu peristiwa masa lampau yang benar-benar berlaku, bersifat objektif, memerlukan bukti dan pentarikhkan yang sistematik. Sebaliknya, perkara-perkara seperti ini tidak dipentingkan oleh pengarang Melayu dalam penulisan mereka walaupun karya yang dihasilkan itu

adalah bersifat sejarah. Keadaan ini perlu diteliti dan dinilai berdasarkan falsafah atau konsep sejarah yang dipegang oleh masyarakat Melayu. Falsafah sejarah yang tercerna di dalam karya-karya sastera bercorak sejarah perlu diberi tafsiran dan interpretasi dalam mengenengahkan budaya pemikiran bangsa Melayu yang memiliki konsep sejarah yang tersendiri.

1.5 Tinjauan Kajian Terdahulu

Karya sastera bercorak sejarah sering kali mendapat perhatian para pengkaji sastera dan juga sejarah. Kajian pada tahap awal dipelopori oleh sarjana-sarjana Barat seperti R.O. Winstedt, J.C. Bottoms, R.J. Wilkinson, A.J. Sturrock dan sebagainya. Kini kajian kesusasteraan tradisional sudah menjadi bahan kajian penting kepada para sarjana Melayu.

Umar Junus di dalam bukunya bertajuk *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali* (1984) telah menumpukan perbincangannya kepada teks *Sejarah Melayu* yang dilihat sebagai sebuah karya fiksiyen. Umar Junus telah menggunakan teori moden seperti Estetika Penerimaan, Intertekstualiti dan Semiotik untuk meneliti teks *Sejarah Melayu*. Menurut beliau, pengarang Melayu berperanan dalam menyingkap makna tersirat yang membawa falsafah moral kepada pembaca. Pada dasarnya Umar Junus menepati matlamat kajian penulis. Namun begitu, beliau tidak menjelaskan dengan lebih terperinci unsur pengajaran di sebalik peristiwa sejarah yang dapat dikaitkan dengan konsep *historiosofi* Melayu.

Ali Ahmad pula melalui bukunya *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah* (1987) telah membuat analisis terhadap beberapa buah karya *historiografi* Melayu yang penting seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tuhfat al-Nafis*, *Salasilah Melayu dan Bugis* serta *Misa Melayu*. Beliau juga turut membincangkan ciri-ciri sastera sejarah Melayu yang dilihat daripada pelbagai aspek termasuk tentang kepentingan wasiat dan waadat yang terdapat di dalam teks *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Walau bagaimanapun, perbincangan beliau tidak menjurus kepada konsep *historiosofi* Melayu dalam karya-karya sastera bercorak sejarah tersebut.

Di samping itu, kajian teks *Sejarah Melayu* turut dilakukan oleh Haron Daud melalui bukunya *Sejarah Melayu : Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya* (1989). Dalam kajiannya, beliau cuba membuktikan bahawa *Sejarah Melayu* adalah sebuah dokumen kebudayaan atau lebih tepat lagi sebagai sumber pensejarahan budaya Melayu yang penting. Aspek pensejarahan budaya yang ditekankan ialah pensejarahan sosial, politik, adat dan istiadat serta ekonomi. Dapatlah dikatakan bahawa Haron Daud hanya membicarakan teks *Sejarah Melayu* dalam konteks karya *historiografi*, bukan sebagai karya *historiosofi*.

Muhammad Haji Salleh di dalam bukunya yang bertajuk *Yang Empunya Cerita: The Mind of The Malay Author* (1991) pula ada menyentuh serba sedikit tentang konsep *historiosofi* Melayu. Dalam bahagian "The mind of the prologue: A Traditional Author on the Threshold of literary creation" beliau telah membincangkan aspek makna di sebalik penyampaian mukadimah atau pengenalan yang diperlihatkan dalam prolog *Sejarah Melayu*. Menurutnya, mukadimah *Sejarah Melayu* cuba membawa beberapa

persoalan yang ingin dibangkitkan oleh pengarang. Beliau menjelaskan fungsi *Sejarah Melayu* dalam menyampaikan pelajaran yang dapat diambil dari kehidupan masa silam. Dikemukakan juga contoh kejatuhan Singapura dan Melaka sebagai tanda kelemahan pemerintahan raja yang zalim terhadap rakyat. Namun begitu, beliau tidak memperjelaskan dengan lebih lanjut kepentingan peristiwa sejarah sebagai unsur *historiosofi* Melayu.

Kajian ke atas karya sastera bercorak sejarah turut juga dibincangkan oleh Noriah Taslim di dalam bukunya yang bertajuk *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional* (1993). Penumpuan penulis adalah kepada topik "Memahami *Sejarah Melayu* Strategi 'Konflik dan Penyelesaian': Satu Analisis Mengikut Model Bremond". Berdasarkan esei tersebut, Noriah Taslim telah menganalisis plot *Sejarah Melayu* yang dibina berdasarkan satu kerangka konflik yang terancang bagi memenuhi objektif pengarang yang tersirat di dalam waadat yang termaktub pada bahagian awal teks. Waadat dilihat sebagai penentu kepada kesejahteraan dan kemerosotan sesebuah kerajaan. Beliau telah menggunakan model Bremond (1980) bagi menjelaskan ciri-ciri plot yang kompleks dalam *Sejarah Melayu*. Berdasarkan analisis model Bremond, terdapat tujuh kitaran yang berlaku secara berurutan dalam memperlihatkan proses kesejahteraan dan kemerosotan yang berkait rapat dengan objektif waadat. Walaupun begitu, perbincangan yang dilakukan adalah secara umum tanpa dibincangkan konsep *historiosofi* Melayu melalui peristiwa yang berlaku di dalam teks.

Muhammad Yusoff Hashim dan Abdul Rahman Kaeh juga turut mengkaji genre sastera bercorak sejarah dengan menghasilkan buku yang bertajuk *Sejarah Melayu*:

Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan (1994). Teks *Sejarah Melayu* telah dinilai dari aspek sejarah dan sastera bagi membetulkan kembali pandangan serta tanggapan barat ke atas nilai karya tersebut. Dibincangkan juga serba sedikit unsur nasihat dan teladan yang terdapat dalam karya sastera sejarah. Walau bagaimanapun, unsur-unsur tersebut dibicarakan dalam skop yang luas dan umum tanpa menjurus ke arah konsep falsafah sejarah orang Melayu.

Terdapat juga esei yang ditulis oleh M. Khalid Taib bertajuk "Motif/Motifem 'Fakir' dan 'Wasiat'" yang diterbitkan di dalam majalah *Dewan Sastera* (Julai 1994). M. Khalid Taib ada menyentuh serba sedikit berkenaan wasiat yang terdapat dalam *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Walaupun begitu, perkara tersebut hanya dinyatakan sepintas lalu tanpa memberi penekanan terhadap kepentingan wasiat dalam konteks *historiosofi* Melayu.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, kebanyakan sarjana membuat kajian terhadap karya sastera bercorak sejarah sebagai karya *historiografi* secara umum. Kajian terhadap konsep *historiosofi* atau falsafah sejarah orang Melayu belum dilakukan secara sistematik. Keadaan ini memberi ruang kepada penulis untuk membicarakan konsep *historiosofi* Melayu secara lebih terperinci. Kajian penulis secara tidak langsung memperluaskan lagi medan kajian ke atas karya sastera bercorak sejarah yang tidak hanya diberi perhatian sebagai teks *historiografi* Melayu sebaliknya turut dilihat sebagai teks *historiosofi* Melayu.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini berorientasikan analisis tentang konsep *historiosofi* Melayu berdasarkan teks sastera bercorak sejarah Melayu. Justeru itu, kajian penulis lebih bercorak analisis dan interpretasi teks khusus berteraskan teori 'sfera faedah' yang dikemukakan oleh V.I. Braginsky. Teori 'sfera faedah' Braginsky digunakan dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan fungsi karya sastera bercorak sejarah yang mengungkapkan falsafah moral untuk panduan dan teladan kepada pembaca. Berteraskan teori 'sfera faedah' Braginsky, penulis akan menganalisis dan membuat interpretasi terhadap dua buah teks sastera bercorak sejarah iaitu *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Penulis akan memperlihatkan contoh-contoh yang bersesuaian dalam kedua-dua teks berkenaan bagi membuktikan kewujudan konsep *historiosofi* Melayu.

1.7 Organisasi Tesis

Kajian ini dibahagikan kepada empat bab. Bab I merupakan bahagian pengenalan yang meliputi aspek Pendahuluan, Objektif Kajian, Skop Kajian, Kepentingan Kajian, Tinjauan Kajian Terdahulu, Metodologi Kajian dan Organisasi Tesis.

Bab II merupakan bahagian yang memberi penjelasan tentang konsep *historiografi* dan *historiosofi*. Dalam bahagian ini penulis telah membahagikan kepada beberapa sub topik seperti disiplin ilmu sejarah Barat, konsep *historiografi* menurut pandangan orientalis Barat dan pengarang Melayu, konsep *historiosofi* Melayu dan juga teori 'sfera faedah' Braginsky. Penulis bermatlamat untuk melihat beberapa perbezaan

dasar tentang sejarah menurut disiplin ilmu Barat dan tradisi pensejarahan pengarang Melayu.

Bab III merupakan fokus utama kajian untuk meneliti konsep *historiosofi* Melayu berdasarkan karya sastra bercorak sejarah. Dalam bahagian ini, penulis membuat kajian secara analisis teks ke atas dua buah karya iaitu *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Berdasarkan contoh-contoh yang diperlihatkan dalam teks tersebut, penulis akan mengungkapkan kewujudan konsep *historiosofi* Melayu yang dilahirkan oleh pengarang menerusi peristiwa sejarah.

Bab IV merupakan bahagian kesimpulan hasil kajian.

BAB DUA

KONSEP *HISTORIOGRAFI* DAN *HISTORIOSOFI* MELAYU

2.1 Displin Ilmu Sejarah Barat

Sejarah mempunyai pengertian yang kompleks. Setiap sejarawan memberi takrif dan pengertian yang berbeza-beza. Sejak kurun ke-14 hingga zaman mutakhir ini, sejarawan dari Timur dan Barat memberi takrif dan pengertian masing-masing tentang sejarah. Tujuan utama sejarawan ialah untuk mewujudkan atau memaparkan kebenaran sejarah tentang peristiwa yang dikaji. Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (1997: 16), “sejarah adalah satu disiplin ilmu pengetahuan yang mempunyai konsep dan teori, kaedah atau tataranya dan juga falsafah yang tersendiri dalam proses mencari dan menentukan sifat dan kebenarannya”.

Dalam tradisi keilmuan Barat, perkataan sejarah disamakan dengan perkataan *history* (bahasa Inggeris) yang asalnya daripada perkataan Yunani purba iaitu *historia* yang bererti penyelidikan. Penyelidikan tersebut bukan tentang peristiwa silam sahaja, malah meliputi peristiwa semasa atau sezaman. Penyelidikan dianggap sebagai suatu proses yang boleh menghasilkan ilmu pengetahuan sebenar.¹ Amalan ini adalah sebahagian daripada asas sejarah sebagai satu disiplin ilmu pengetahuan yang mempunyai falsafah, kaedah dan teknik yang tersendiri. Menurut Muhd Yusof Ibrahim (1997:13):

Sejarawan bukan sahaja memilih peristiwa yang akan dikajinya, tetapi kerap pula membuat tafsiran dan gambaran menyeluruh terhadap sesuatu peristiwa bagi sesuatu jangka waktu yang berkaitan. Sikap serta proses pemilihan dan keputusan manusiamerupakan batasan bagi mencapai sepenuhnya pengetahuan masa lalu. Oleh itu,

¹ Huraian lengkap berkenaan konsep sejarah Barat sila rujuk Muhd. Yusof Ibrahim (1997). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 7-12.

pengetahuan masa lalu itu tidaklah berarti keseluruhan masa lalu dapat dihidupkan dan diketahui kembali.

Leopold von Ranke merupakan salah seorang tokoh ahli fikir sejarah dari Jerman yang telah mengasas serta memperkembangkan suatu tradisi pensejarahan yang amat kuat pengaruhnya pada akhir kurun ke-19 sehingga awal kurun ke-20. Memandangkan sejarah terdiri daripada peristiwa-peristiwa yang benar, beliau menganggap bahawa peristiwa-peristiwa sejarah haruslah ditulis atau diceritakan dengan kebenaran. Konsep asas bagi mendapatkan kebenaran sejarah ialah melalui penyelidikan. Pengkajian sejarah haruslah didasarkan kepada penyelidikan terhadap sumber-sumber yang boleh digunakan bagi memaparkan kembali peristiwa masa lalu seperti sebenarnya berlaku. Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (1986:2), "sejarah pada pandangan Ranke haruslah terdiri daripada peristiwa yang benar-benar berlaku dan tidak terdiri daripada peristiwa yang bercampur aduk dengan dongeng serta khayalan yang tidak berasas".

Istilah falsafah sejarah tidak dapat diberi takrif yang tepat, tunggal dan muktamad. Pelbagai persoalan dan kekeliruan timbul dalam memperkatakan tentang falsafah sejarah. Keadaan ini menunjukkan betapa kompleksnya bidang falsafah sejarah. Oleh itu, sudah pasti pengertian asas serta huraian adalah berbeza di antara seorang pengkaji dengan pengkaji yang lain. Walaupun begitu, sarjana sejarah telah cuba memberikan takrif yang asas tentang falsafah sejarah.

Muhd. Yusof Ibrahim (1991: xiv-xv) telah mengemukakan beberapa pandangan sejarawan Barat tentang istilah falsafah sejarah. Beliau telah memetik beberapa pendapat tokoh sejarah Barat tentang makna dan konsep falsafah sejarah. Barnes misalnya mengatakan bahawa "falsafah sejarah dapat disamakan dengan melakukan spekulasi

tentang masa lalu atau berfalsafah". Sementara Walsh pula menyatakan bahawa "bentuk falsafah sejarah muncul pada akhir abad ke-18 dan berkembang sehingga pertengahan abad ke-19". Menurut Walsh lagi "penulis ketika itu menjadikan falsafah sejarah sebagai kajian yang spekulatif terhadap keseluruhan perjalanan sejarah. Mereka berharap akan dapat memaparkan rahsia sejarah untuk selama-lamanya".²

Collingwood (1985: xxxix) merupakan ahli falsafah sejarah Inggeris tahun 30-an yang amat berpengaruh sehingga ke hari ini telah merumuskan bahawa falsafah sejarah adalah "suatu falsafah serba lengkap yang dirangkakan daripada pandangan-pandangan yang berbentuk sejarah". Menurut Collingwood (1991: xv):

... falsafah sejarah ialah kajian terhadap pemikiran sejarah; bukan sahaja analisis psikologi terhadap tataranya yang sebenar, tetapi analisis terhadap adicita yang dirangkakannya. Pemikiran sejarah itu adalah antara beberapa sikap yang diwujudkan oleh akal dalam menghadapi dunia yang objektif; ia adalah sikap yang menganggap bahawa alam fakta-fakta itu wujud – bukan hukum-hukum yang umum, tetapi fakta-fakta tersendiri ... falsafah sejarah mestilah perbincangan tentang sikap ini, andaian-andaian dan implikasi-implikasinya: suatu percubaan untuk mengetahui kedudukannya dalam keseluruhan pengalaman manusia, hubungannya dengan bentuk-bentuk pengalaman yang lain, asal-usul dan keabsahannya.

Pandangan Collingwood ini memperlihatkan bahawa beliau memberatkan fakta-fakta sejarah yang tepat dalam penulisan tentang sejarah. Oleh itu, falsafah sejarah merupakan pemikiran ahli sejarah yang bersifat objektif ke atas alam nyata dan bukan khayalan semata-mata.

Salah satu aspek penting falsafah sejarah ialah epistemologi atau teori pengetahuan yang menjelaskan dua masalah pokok atau kesahihan pengetahuan. Mengenai masalah sumber pengetahuan, tradisi falsafah Barat mewarisi dua aliran

² Huraian lanjut sila rujuk Muhd. Yusof Ibrahim (1991). *Aspek dan Perkembangan Falsafah Sejarah Dunia Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: xiv-xv.

epistemologi yang terbesar iaitu aliran *empirisme* dan *rasionalisme*. Abdul Rahman Haji

Abdullah (1998: 60-61) menyatakan bahawa:

Aliran *empirisme* muncul dalam pelbagai bentuk. Dalam bentuk yang sedarhana, aliran ini cuma mengakui pengalaman indera atau deria sebagai sarana mendapatkan ilmu pengetahuan. Tetapi dalam bentuknya yang ekstrim, terdapat *empirisme* radikal dalam bentuk positivisme atau sensasionalisme yang berpendirian bahawa hanya melalui sumber indera sahajalah pengetahuan dapat diperolehi.

Oleh itu, sumber yang bersifat empirikal adalah selaras dengan konsep sejarah menurut aliran objektif iaitu sejarah sebagai peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa lampau. Berdasarkan sumber empirikal, pengetahuan sejarah bergantung sepenuhnya kepada fakta dan bukti-bukti.

Sementara aliran *rasionalisme* mempercayai kebenaran pengetahuan melalui sumber akal fikiran. Tanpa akal, tidak ada yang dinamakan ilmu pengetahuan. Pada peringkat ekstrim, golongan *rasionalisme* adalah bertuhankan akal dan intelek dengan menolak sebarang pengetahuan lain yang dianggap tidak logik seperti pengetahuan agama dan mistik (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998: 61). Maka, sumber rasional pula berkaitan dengan konsep sejarah menurut aliran subjektif iaitu sejarah sebagai kajian atau penyelidikan tentang kisah-kisah yang berlaku pada masa lampau.

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa wacana sejarah Barat lebih mengutamakan kajian kepada sudut sejarah yang bersifat objektif, memerlukan pentarikan serta peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku. Sebagai disiplin ilmu yang saintifik, sejarah moden dibina berdasarkan kepada fakta yang dapat dibuktikan kesahihannya melalui kaedah yang tertentu. Sejarah moden bersifat *self-relevatory* kerana ia dihasilkan secara objektif dan tidak ada campur tangan oleh penulisnya. Oleh itu, disiplin sejarah

moden menolak fiksyen sebagai sumber sejarah. Fiksyen tidak dibina berasaskan kepada kaedah yang saintifik, mengandungi unsur imaginasi, ilusi dan fantasi pengarang. Keadaan ini menyebabkan fiksyen disisihkan sebagai karya yang tidak mempunyai kebenaran yang bersifat saintifik.

Walau bagaimanapun, pengertian sejarah moden telah difikirkan semula oleh beberapa orang sejarawan pascamodenis seperti Hayden White, Keith Jenkins dan Dominick LaCapra. Hayden White misalnya, berpendapat bahawa penulisan sejarah mengandungi unsur **interpretasi** kerana penulisan sejarah dibangunkan melalui unsur yang mengundang kepada pentafsiran. Fakta sejarah mengandungi *tropes* yang mengundang pentafsiran apabila digunakan. Penulisan sejarah adalah hasil daripada pentafsiran kepada fakta sejarah yang akan melahirkan implikasi ideologikal iaitu pentafsiran terhadap fakta sejarah itu berdasarkan kepada tujuan tertentu mengikut kepercayaan atau idea yang mentafsirnya. Pentafsiran kepada fakta sejarah ini dijelaskan oleh Hayden White (1978: 51 seperti berikut:

The historians has to interpret his materials in order to construct the moving pattern of images in which the form of the historical process is to be mirrored. And this because the historical record is both too full and too sparse. On the one hand, there are always more facts in the record than the historian can possibly include in his narrative presentation of a given segment of the historical process. And so the historian must "interpret" his data by excluding certain facts from his accounts as irrelevant to his narrative purpose.

Menurut White, *historiografi* atau pensejarahan merupakan cerita yang telah menjalani proses interpretasi terlebih dahulu oleh para sejarawan. Sejarawan akan mentafsir terlebih dahulu segala fakta-fakta sejarah sebelum menulis sesuatu peristiwa sejarah. Data-data sejarah yang tidak bersesuaian akan dibuang bagi memenuhi tujuan penulisan tersebut. Oleh itu, sejarawan menurut White tidak dapat lari dari memasukkan

penceritaan sendiri ketika menulis sejarah. Cerita sejarah akan mengandungi campuran atau tambahan dengan secukupnya, sebaliknya peristiwa sejarah yang sebenar tidak diterangkan sepenuhnya. Keadaan ini dijelaskan oleh White (1978: 51) seperti berikut:

A historical narrative is thus necessarily a mixture of adequately and inadequately explained events, a congeries of established and inferred facts, at once a representation that is an interpretation and an interpretation that passes for an explanation of the whole process mirrored in the narrative.

Pernyataan beliau ini memperlihatkan bahawa sesuatu penulisan sejarah akan melalui proses penceritaan para sejarawan. Gambaran tentang peristiwa sejarah itu akan melalui pentafsiran terlebih dahulu oleh ahli sejarah berdasarkan ideologi dan kepentingan mereka. Keadaan ini diperlihatkan sama seperti yang berlaku kepada para sasterawan yang menghasilkan sesuatu karya berdasarkan interpretasi mereka tanpa melihat kepada kebenaran sejarah. Sesuatu penulisan itu bergantung kepada tujuan dan ideologi pengarang itu sendiri. Keadaan ini juga sama seperti yang terjadi kepada ahli sejarah. Oleh itu, di antara sejarawan dan sasterawan sememangnya tidak jauh berbeza kerana masing-masing memainkan peranan dalam bidang penceritaan tentang sesuatu peristiwa dalam kehidupan berdasarkan interpretasi dan kepentingan peribadi.

Justeru itu, dapatlah dirumuskan di sini bahawa konsep dan pengertian sejarah sentiasa mengalami perubahan daripada satu peringkat kepada satu peringkat. Namun begitu, sejarawan Barat menganggap bahawa sesuatu sejarah itu seharusnya mempunyai kebenaran dan dapat dibuktikan berdasarkan fakta-fakta sejarah. Sejarah tidak hanya merujuk kepada peristiwa pada masa lampau, tetapi juga kisah-kisah pada masa kini yang ditulis semula oleh para sejarawan berdasarkan sumber serta maklumat yang tepat dengan bukti-bukti yang kukuh. Walaupun pentafsiran ke atas peristiwa sejarah itu berdasarkan

kepada ideologi sejarawan, namun begitu penulisan sejarah itu tidak harus lari daripada maklumat yang sebenar.

Idea Hayden White tentang konsep sejarah dapat diterima seandainya digunakan dalam mengkaji karya sastera bercorak sejarah Melayu. Keadaan ini disebabkan peristiwa sejarah yang dipaparkan oleh pengarang Melayu tidak dinyatakan dengan jelas dan tepat. Malah, pengarang Melayu menggunakan sejarah untuk menceritakan makna tersirat yang terdapat dalam karya tersebut. Pentafsiran peristiwa sejarah pasti akan berlaku menurut pandangan orang Melayu. Keadaan ini turut terjadi kepada para sejarawan Barat yang mentafsir fakta-fakta sejarah terlebih dahulu sebelum menulis tentang peristiwa sejarah. Oleh itu, sejarah tidak lagi bersifat nyata dan mempunyai kebenarannya yang mutlak kerana telah melalui proses pentafsiran serta memperlihatkan ideologi pengarangnya berdasarkan kepentingan peribadi.

2.2 Historiografi Melayu

2.2.1 Pandangan Orientalis Barat

Dalam Kesusasteraan Melayu tradisional terdapat segolongan karya yang memperlihatkan ciri-ciri khusus penceritaan sejarah sesebuah negeri. Di dalam karya tersebut diceritakan kisah pembukaan negeri, organisasi pentadbiran, corak sistem sosial budaya dan politik. Golongan karya tersebut dikenali sebagai karya sastera bercorak sejarah atau *historiografi*. Istilah *historiografi* berasal daripada perkataan Inggeris iaitu *historiography* yang bererti pensejarahan. Dalam *Encyclopedic World Dictionary* (1971: 754) *historiography* bererti,

the writing of history, esp. as based on the critical examination and evaluation of material taken from primary sources.

Laurence Urdang (1966: 628), turut memberi definisi terhadap *historiography* iaitu:

the body of literature dealing with historical matters; histories collectively; the body of techniques, theories and principles of historical research and presentation, method of historical scholarship.

Menurut *Kamus Dewan* (1989: 425) pula, *historiografi* boleh dimaksudkan sebagai "prinsip atau kaedah pengajian sejarah, penulisan sejarah, karya atau hasil penulisan berkaitan dengan sejarah."

Berdasarkan konsep *historiografi* yang dikemukakan dapatlah dijelaskan di sini bahawa *historiografi* merupakan genre penulisan sastera yang mengandungi unsur sejarah di dalamnya. Penulisan karya sastera tersebut mengandungi peristiwa atau nilai sejarah yang boleh dipercayai kebenarannya oleh masyarakat Melayu. Justeru itu, unsur-

unsur sastera seperti mitos dan legenda wujud bersama-sama fakta sejarah dalam memenuhi tujuan sebenar karya tersebut dikarang.

Karya sastera bercorak sejarah amat menarik perhatian para sarjana Barat yang begitu ghairah untuk mengenali sejarah budaya masyarakat Melayu. Kelahiran karya sastera sejarah secara langsung telah memberi peluang kepada mereka untuk mengkaji pensejarahan dan kesusasteraan masyarakat Melayu.

Pada kurun ke-19, pihak Barat telah mengkaji perbezaan budaya yang dilihat daripada aspek pemikiran dan mental dengan mendikotomikan budaya dan bangsa yang dikaji berdasarkan ciri-ciri mental. Noriah Taslim (1993a: 15) menjelaskan bahawa:

Barat dilanda oleh pemikiran bahawa masyarakat Barat telah melahirkan manusia yang lebih tinggi keupayaan inteleknya daripada bangsa dan budaya lain. Kejayaan-kejayaan mereka yang menakjubkan dalam pelbagai bidang pengetahuan, menyakinkan mereka bahawa cara pemikiran merekalah yang jauh lebih maju daripada bangsa-bangsa lain.

Pemikiran Barat selaras dengan *The Great Divide Theory* yang mendikotomikan proses mental manusia kepada dua: primitif-modern; mitos-sains; tidak rasional-rasional; tertutup-terbuka dan seterusnya. Teori-teori yang bercorak anti kemanusiaan ini telah menjelmakan konsep *white supremacy* yang menganggap orang Eropah sebagai manusia yang paling tinggi, maju dan bertamadun. Sikap Barat ini diistilahkan sebagai *ego-sentrisme* kerana merasakan mereka golongan yang paling berwibawa untuk mentafsir dan menilai segala bentuk pengetahuan serta bertanggungjawab untuk membimbing bangsa-bangsa lain (Noriah Taslim, 1993a: 15).

Berdasarkan teori yang dikemukakan di atas, hasil kesusasteraan Melayu dianggap tidak bernilai dan rendah mutunya. Tanggapan buruk pihak Barat ini dirakamkan oleh Maier (1988: 19) dengan jelas iaitu:

The Malays were low on the scale of civilisation and therefore their literature was boring, confused and incongruous and their narratives about historical events were unreliable.

Pengaruh teori evolusi budaya yang melihat budaya Barat berada dalam hierarki tertinggi telah mempengaruhi pemikiran para orientalis Barat dalam membuat kajian ke atas hasil sastera bercorak sejarah Melayu. Pihak Barat telah mempermudah penilaian terhadap teks-teks Melayu berkenaan dengan membawanya ke dalam kerangka ilmu pengetahuan daripada teks Barat yang dinyakini kemantapannya. Tanpa memikirkan tentang budaya dan pemikiran masyarakat Melayu, pihak Barat telah mengambil langkah termudah dengan menilai teks tersebut berdasarkan kaedah pembacaan Barat yang bersifat *referential*.³

Sebelum meneliti karya sastera bersifat sejarah, pengkaji Barat terlebih dahulu telah membuat kajian ke atas genre hikayat. Kegagalan membaca genre hikayat sebagai sastera lisan menyebabkan karya tersebut dianggap rendah mutunya. Sastera hikayat tidak dapat menawarkan kepada pengkaji Barat sebarang maklumat mengenai realiti masyarakat Melayu. Sebaliknya mereka berpendapat bahawa karya hikayat hanya menggambarkan ketidakrasionalan pemikiran, kejahilan dan kerendahan tamadun bangsa yang menghasilkannya. Kegagalan memperolehi maklumat mengenai dokumen sejarah masyarakat Melayu daripada genre hikayat menyebabkan Barat telah beralih perhatian

³ Pembacaan *referential* atau mimetik ialah kaedah pembacaan berujukan yang menghubungkan fakta-fakta dalam teks dengan fakta-fakta di luar karya. Lihat Noriah Taslim (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 17.

kepada genre sastera sejarah. Hal ini dinyatakan oleh Noriah Taslim (1993a: 17) seperti berikut:

Dalam usaha mengkaji budaya serta kesusasteraan Melayu, teks yang benar-benar menarik minat mereka ialah teks sastera sejarah yang dianggap mungkin dapat dijadikan dokumen sejarah orang Melayu. Teks-teks lain yang penuh dengan perulangan yang membosankan dan meletihkan bacaan, dianggap tidak dapat memberi apa-apa maklumat mengenai realiti dan masyarakat Melayu sendiri, kecuali mencontohi kebodohan dan kejahilannya.

Kemunculan genre sastera sejarah telah menarik minat para orientalis Barat untuk mengkaji teks tersebut bagi memperolehi maklumat tentang masa silam masyarakat Melayu. Muncul beberapa orang pentadbir Inggeris yang memperlihatkan minat yang mendalam terhadap pengkajian dan penyelidikan dalam bidang pengajian Melayu. Siti Hawa Haji Salleh (1997: 85) menyatakan para pentadbir Barat yang berminat ke atas pengajian Melayu termasuklah W.E. Maxwell (1867-1897), C.O. Blagden (1864-1949), R.J. Wilkinson (1867-1941), W.W. Skeat (1866-1953) dan R.O. Winstedt (1878-1966). Terdapat juga pentadbir-pentadbir, paderi, pegawai dan sebagainya seperti W.G. Shellabear, A.J. Sturrock dan A.H. Hill yang membuat pelbagai sumbangan terutama dalam bidang penerbitan manuskrip-manuskrip tertentu seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Raja Pasai* dan sebagainya.

Sumbangan yang dianggap paling penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu tradisional adalah hasil penulisan R.O. Winstedt. Pengaruhnya amat besar ke atas pengajian Melayu. Salah satu sumbangan beliau yang penting dalam kesusasteraan Melayu ialah *A History of Classical Malay Literature* yang banyak membincangkan tentang hasil-hasil kesusasteraan Melayu. Dalam buku sejarah kesusasteraan Melayu ini, Winstedt mendekati sastera Melayu sebagai sesuatu yang tidak mungkin asli, tetapi sentiasa dipengaruhi oleh sastera India, Arab dan Parsi. Menurut Muhammad Haji Salleh

(1992: 23), Winstedt beranggapan bahawa bangsa Melayu sebagai bangsa peniru, pengambil serta tidak menghasilkan sesuatu yang asli daripada pemikiran mereka sendiri. Genre Melayu baginya adalah "*beast fables, farcical tales, folk romances, muslim legends, digest of laws, rhythmical verse, syair dan pantun*". Karya *historiografi* Melayu yang paling banyak mendapat kritikan oleh Winstedt ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*. Pandangan Winstedt ini dirakamkan oleh Maier (1988: 61):

In popular tales the Kedah dynasty begins with a tusked cannibal king, the son of an ogress; Blagden has shown that the legend is borrowed from India and is copied from the buddhist Jataka tales; it is possible, however, that the story was adapted to symbolize that the ancestry of the dynasty is not purely Malay.

The *Hikayat Merong Mahawangsa* was a "farrago of folktales", "full of omissions and anachronisms".

Pandangan negatif Winstedt ke atas hasil kesusasteraan Melayu turut mempengaruhi sarjana Barat seterusnya iaitu J.C. Bottom. Beliau juga turut memandang negatif ke atas kesusasteraan Melayu tradisional, khususnya genre sastera sejarah. Beliau menyatakan bahawa karya-karya tersebut tidak mengandungi ketepatan fakta, gambaran yang lengkap dan pendedahan yang tersusun. Penulisan itu digolongkan hanya sebagai sembang-sembang kosong di pelabuhan dan banyak daripada isi penulisan itu menunjukkan bahawa sebahagian daripadanya adalah cerita rekaan semata-mata (Zalila Sharif, Jamilah Haji Ahmad, 1993: 289). Menurut J.C. Bottom (1965: 180):

History to the Malays has not until recently been either a science or an art, but an entertainment. Accuracy, completeness, organized exposition were not the vital principles; what best pleased were legend, fantasy, and a pleasant hotchpotch of court and port gossip.

Bottom beranggapan bahawa sejarah pada orang Melayu bukan merupakan satu sains atau seni tetapi lebih merupakan hiburan tentang legenda, fantasi, repekan istana

dan pelabuhan semata-mata. Pendapatnya tidak jauh berbeza dengan pendapat yang dikemukakan oleh Winstedt ke atas hasil kesusasteraan Melayu tradisional.

Hasil pandangan para orientalis Barat ini akan melahirkan rumusan yang sudah pasti meringankan kedudukan hasil-hasil yang penuh dengan mitos, legenda dan unsur-unsur lain yang bukan sejarah. Keadaan ini berpunca daripada penilaian yang berdasarkan kepada keperluan hasil-hasil sejarah yang objektif dan rasional. Barat bersifat tidak adil dalam mentafsir karya sastera Melayu tradisional. Hal ini disebabkan Barat menggunakan sudut pandangan budaya mereka yang sudah pasti cuba menjatuhkan imej dan pemikiran bangsa Melayu. Tanggapan pihak Barat jelas memperlihatkan masih terdapat aliran pemikiran yang bersifat kolonial dalam diri mereka. Sudut pandangan yang dikemukakan jelas membayangkan kehidupan mereka, latar belakang negara serta tugas mereka sebagai pegawai kolonial. Perbezaan budaya serta latar belakang sejarah ini menyebabkan wujudnya penyalah tafsiran ke atas hasil kesusasteraan Melayu tradisional. Sebaliknya, untuk mendapatkan sebarang maklumat dalam kesusasteraan Melayu, kita perlu melihat dari persepsi budaya atau masyarakat yang melahirkannya.

Makna sejarah yang difahami oleh Barat adalah berbeza daripada makna sejarah menurut perspektif pengarang Melayu. Karya *historiografi* Melayu dilihat sebagai karya sejarah dan kajian yang dilakukan itu sudah semestinya berorientasikan disiplin ilmu sejarah dalam budaya Barat. Karya-karya tersebut yang penuh dengan unsur mitos dan legenda dianggap sebagai imaginasi pengarang yang rendah pemikirannya. Keadaan ini menyebabkan para orientalis Barat menganggap teks tersebut rendah nilainya kerana tidak berjaya mencungkil dokumen sejarah budaya dan bangsa yang mendokonginya.

Justeru itu, Barat mengandaikan orang Melayu tidak boleh dipercayai untuk memberi persepsi yang tepat mengenai realiti. Keadaan ini berpunca daripada hasil karya mereka yang tidak dapat membezakan antara fakta dengan cereka, sains dengan mitos, konkrit dan bukan konkrit dan seterusnya.

Oleh itu, dalam menentukan kedudukan dan nilai sastera Melayu, kita seharusnya bertunjangkan kepada tradisi yang melahirkannya. Maka, genre sastera sejarah perlu diberi penafsiran dan penilaian semula oleh sarjana sastera bagi memperoleh keindahan sastera di dalamnya. Penafsiran dan penilaian semula ini, turut memberi manfaat kepada sarjana-sarjana sejarah yang berminat mencungkil dan mendapatkan fakta-fakta sejarah silam.

2.2.2 Sudut Pandangan Pengarang Melayu

Sememangnya diakui kelemahan sastera sejarah ini jika dilihat dari konteks pensejarahan moden Barat. Kelahiran karya sastera bercorak sejarah tidak dapat menepati konsep sejarah yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh Barat. Walaupun begitu, kita perlu sedar bahawa kelahiran karya-karya sastera sejarah ini bukan untuk kepentingan sejarah semata-mata, tetapi berhubung rapat dengan aspirasi sosio-budaya orang Melayu pada masa itu. Seandainya didapati teks tersebut bukan bersifat saintifik seperti teks sejarah di Barat, kesalahan tidak boleh ditujukan kepada orang Melayu, sebaliknya kesalahan sarjana yang meresapkan teori sejarah Barat ke dalam karya Melayu yang berbeza konsep pensejarahannya.